

#### 4.0: KEHENDAK MANUSIA

Seperti yang telah diterangkan di atas, bahawa kehendak manusia adalah tidak terhad. Persoalannya ialah apakah bentuk barang dan perkhidmatan yang dikehendaki oleh manusia ini? Di sini kita boleh mem-bahagikan barang dan perkhidmatan ini kepada dua kategori;

- i. barang-barang percuma, barang ekonomi dan barang awam.
- ii. barang pengeluar atau barang modal, barang perantaraan, barang pengguna atau barang akhir.

#### 4.1: Barang percuma, barang ekonomi dan barang awam.

**Barang percuma** ialah barang yang boleh kita perolehi di mana-mana sahaja dengan *tidak melibatkan kos dan juga kos lepas*. Ini kerana barang ini tidak mempunyai harga disebabkan oleh jumlah penawarannya adalah tidak terhad. Contoh barang percuma ini ialah udara. Pada keadaan tertentu barang percuma ini boleh bertukar menjadi barang ekonomi.

**Barang ekonomi** ialah barang yang mempunyai jumlah penawaran yang terhad dan ia adalah mustahak kepada manusia. Oleh itu, barang ekonomi ini mempunyai harga. Maka, *penggunaan barang ini akan melibatkan kos dan juga kos lepas*. Contoh barang ekonomi ini ialah barang makanan, pakaian, perkhidmatan pengangkutan, pendidikan dan sebagainya

**Barang awam** pula ialah barang yang jika ditawarkan kepada seseorang terpaksa juga ditawarkan kepada orang lain. Ini kerana kita tidak boleh menyekat penggunaan dan faedah yang diterima dari barang tersebut oleh orang lain. Contoh barang awam ini ialah seperti jalan raya. Ini kerana pengguna tidak dikenakan sebarang bayaran ke atas penggunaan jalan raya. Sebagai contoh, katakan sebarang jalan raya dibina untuk penduduk kampung Istana, semua penduduk kampung Istana yang menggunakannya akan mendapat faedah daripada penggunaan tersebut. Tetapi pada masa yang sama tiada sesiapa pun yang boleh menghalang penduduk kampung-kampung yang berhampiran dari menggunakannya dan seterusnya mendapat faedah dari penggunaan tersebut. Ini bererti bahawa *prinsip pengasingan faedah* tidak dapat dijalankan dalam penggunaan barang ini. Ini berbeza dengan *barang persendirian* atau *barang ekonomi*. Misalnya, seorang pengguna membeli sebuku roti, maka pengguna ini akan membayar harga roti tersebut dan roti ini akan menjadi hak beliau. Maka pengguna ini sahajalah yang boleh memperoleh faedah daripada roti tersebut. Pengguna lain tidak boleh mendapat faedah daripada roti tersebut kerana beliau tidak memiliki roti tersebut. Ini bererti bagi barang persendirian (barang ekonomi),

prinsip pengasingan faedah boleh dilaksanakan, iaitu pengguna yang tidak sanggup membayar harga barang tersebut, mereka tidak akan memperolehi faedahnya. Berbeza dengan barang awam, sama ada pengguna tersebut membayar ataupun tidak, mereka semua masih boleh memperolehi faedahnya. Oleh sebab prinsip pengasingan faedah ini tidak boleh dijalankan ke atas barang ini, maka adalah sukar bagi pembekal yang menawarkan barang ini untuk mendapatkan bayaran balik. Ini kerana setiap pengguna tidak akan sanggup untuk membayar ke atas penggunaan barang tersebut atas alasan bahawa orang lain yang tidak membayar pun boleh menggunakannya dan seterusnya memperolehi faedahnya. Maka penawaran barang awam ini akan dilakukan oleh pihak kerajaan.

#### **4.2: Barang pengeluaran atau barang modal, barang perantaraan, barang pengguna atau barang akhir.**

**Barang pengeluaran atau barang modal** adalah barang yang telah dihasilkan atau dikeluarkan oleh sebuah firma tetapi digunakan semula sebagai input oleh firma yang lain dalam proses pengeluaran yang lain, selepas digunakan barang ini akan tetap wujud seperti mana yang asal. Sebagai contoh, sebuah traktor adalah merupakan barang modal, yang mana ia adalah hasil keluaran industri traktor dan seterusnya ia digunakan sebagai input dalam satu proses pengeluaran yang lain, seperti barang pertanian. Traktor ini tidak boleh dianggap sebagai barang akhir kerana ia tidak boleh digunakan oleh pengguna secara langsung sebagai barang penggunaan. Contoh-contoh barang modal yang lain ialah seperti alat-alat jentera, kenderaan, dan bangunan.


**Barang perantaraan** adalah merujuk kepada barang yang telah digunakan dalam sesuatu proses pengeluaran bagi menghasilkan satu barang yang lain, dan selepas digunakan barang ini akan habis dan menjadi satu barang yang baru. Mislanya dalam pengeluaran roti. Dalam membuat roti ini firma akan menggunakan buruh, modal (seperti mesin) dan bahan-bahan mentah seperti tepung, gula, garam, air, yis dan minyak masak. Selepas proses pengeluaran ini berjalan, kita dapati bahan-bahan mentah seperti tepung, gula, garam, air, yis dan minyak masak ini akan habis, dan ia akan membentuk satu barang keluaran yang baru, iaitu disebut sebagai roti. Maka barang-barang mentah seperti tepung, gula, garam, air, yis dan minyak masak ini adalah disebut sebagai *barang perantaraan*. Barang-barang lain seperti mesin membuat roti, bangunan, tanah yang digunakan dalam proses membuat roti tadi akan tetap wujud dalam bentuk yang asal. Maka barang-barang ini di sebut sebagai barang modal.

**Barang pengguna atau barang akhir** pula merupakan barang yang dihasilkan oleh sebuah firma untuk digunakan oleh pengguna secara langsung.

## BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

Misalnya roti yang dihasilkan oleh kilang membuat roti adalah disebut sebagai barang pengguna atau barang akhir kerana ia akan digunakan oleh pengguna secara langsung iaitu bagi tujuan untuk memenuhi kepuasaannya, ia tidak digunakan untuk menghasilkan satu barang yang lain.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, semua jenis barang-barang di atas, secara langsung atau tidak, akan digunakan untuk memenuhi kehendak manusia. Objektif utama penggunaan barang-barang ini adalah untuk memaksimumkan kepuasaannya.



---

*EKONOMI (Bahagian Mikroekonomi) Edisi Ke-4*

*Oleh Dr. Hamzaid Bin Yahya*

[www.drhamzaid.com](http://www.drhamzaid.com)